

Tarikh Dibaca: 20 November 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MASA; UMUR MANUSIA”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"MASA; UMUR MANUSIA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ
﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sedaya upaya mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.

Pada hari yang mulia ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk **"MASA; UMUR MANUSIA"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Masa merupakan harta yang paling bernilai bagi manusia. Ia berlalu dengan begitu pantas. Tanpa disedari usia kita semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam bukunya '*Al-Waqtu Fi Hayatil Muslim*' (الوقتُ في حياة المسلم) telah menggariskan 4 ciri masa iaitu yang pertama, masa itu pantas berlari. Kedua, masa yang pergi tidak akan kembali. Ketiga, masa yang berlalu tidak boleh ditukar ganti dan keempat, masa merupakan harta yang paling berharga. Itulah yang dimaksudkan masa adalah umur kita.

Oleh itu tidak hairanlah, banyak pepatah Arab dan Melayu yang membicarakan tentang masa seperti 'Masa itu emas', 'Masa ibarat pedang , jika kita tidak memotongnya, ia akan memotong kita' dan lain-lain. Kesemua ini menunjukkan kepada kita akan kepentingan masa dalam kehidupan.

Sidang Jumaat yang dirahmati oleh Allah SWT,

Setiap orang diberikan masa sebanyak 24 jam sehari semalam. Dari zaman Rasulullah SAW, para sahabat radiallahu anhum, ulama salaf dan khalaf, sampailah ke zaman moden hari ini, ia tetap tidak berubah. Imam as-



Syafie rahimahullah telah membahagikan masanya kepada tiga bahagian. Satu pertiga untuk beribadat, satu pertiga untuk berehat dan satu pertiga lagi untuk bekerja. Rasulullah SAW sendiri selaku pemimpin negara, meluangkan masa malamnya untuk qiamullail sehingga bengkak kakinya. Apabila ditegur oleh isterinya, Saidatina Aisyah RA, baginda menjawab :

أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

"Salahkah sekiranya aku ingin menjadi hamba yang bersyukur".

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Namun persoalannya mengapa kita sering merasakan tidak cukup waktu untuk menyelesaikan segala kerja dan ibadah seharian? Mengapakah kualiti masa kita berbeza dengan kualiti masa Rasulullah SAW dan para sahabat? Sedangkan kita diberikan ruang dan tempoh masa yang sama.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Masa yang ada harus diuruskan dengan sebaik-baiknya. Setiap daripada kita diberikan tempoh masa yang sama, sehari semalam. Tidak berkurang dan tidak berlebih walau sesaat sekalipun. Peringkat pentingnya peranan masa ini dapat dilihat melalui pengaturan amalan ibadah yang disusun berdasarkan konsep masa dan waktu yang tertentu. Contohnya ibadah solat difardhukan mengikut waktu-waktu seperti subuh, zuhur, asar, maghrib dan isyak. Ibadah puasa difardhukan di bulan Ramadhan dan ibadah haji pula di bulan-bulan yang telah ditentukan. Sekiranya ibadah-ibadah ini dikerjakan sebelum atau pun melepasi waktunya, maka ia dikira sebagai tidak sah.



Sekiranya kita membuka lembaran al-Quran, kita akan mendapati bahawa Allah SWT banyak bersumpah dengan masa. Contohnya dalam surah al-Asr (ayat 1-3), surah ad-Dhuha (ayat 1-2), surah al-Lail (ayat 1-2), surah al-Fajr (ayat 1-2) dan surah as-Syams (ayat 1-2). Perkara ini menjadi bukti kepada kita akan kepentingan pengurusan masa di dalam Islam. Kepentingan masa sekiranya tidak dimanfaatkan nescaya akan mendedahkan manusia kepada kerugian dalam hidupnya sebagaimana ayat yang telah dibaca pada muqaddimah khutbah ini yang bermaksud:

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran, serta berpesan-pesan dengan kesabaran".

(Surah al-Asr : ayat 1-3).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Oleh itu, janganlah kita melakukan kerja-kerja yang tidak berfaedah kerana mengabaikan masa dengan melakukan kerja-kerja yang tidak bermanfaat boleh membawa kebinasaan kepada diri kita sendiri, seperti berborak-borak, asyik melayari facebook dan berwasap ketika mendengar khutbah, melepak berjam-jam di kedai kopi, pusat-pusat hiburan, pasaraya dan lain-lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam menguruskan masa bekerja pula, konsep *Fiqh Awlawiyyat* perlu diterapkan. Dr. Yusuf al-Qardhawi telah mentakrifkan *Fiqh Awlawiyyat* (memahami keutamaan) sebagai 'Menetapkan sesuatu pada martabatnya. Tidak mengkemudiankan apa yang perlu didahulukan atau mendahulukan apa yang dikemudiankan. Dan tidak mengecilkan perkara yang besar serta membesarkan perkara yang kecil'.



Fiqh Awlawiyyat menekankan konsep menetapkan keutamaan dalam membuat perancangan kerja. Berdasarkan *Fiqh Awlawiyyat*, setiap tugas boleh diukur keutamaannya berdasarkan tiga perkara iaitu : *Ad-Dharuriyyat*, *Al-Hajjiyyat* dan *At-Tahsiniyyat*. Contohnya :

1. Bagi perkara-perkara dan tindakan yang dianggap sebagai *Ad-Dharuriyyat* , ia adalah perkara yang sangat penting dan perlu dilaksanakan dengan segera. Contohnya berpakaian menutup aurat, mencari makanan halal dan memiliki rumah perlindungan.

2. Bagi perkara-perkara dan tindakan yang dianggap sebagai *Al-Hajjiyyat*, ia adalah perkara yang penting dan sekadar memerlukan perhatian. Contohnya berpakaian kemas, memakan makanan berzat dan berkhasiat dan memiliki rumah yang telah siap dengan pintu dan tingkapnya.

3. Bagi perkara-perkara dan tindakan yang dianggap sebagai *At-Tahsiniyyat*, ia adalah perkara yang kurang utama dan tidak segera. Contohnya memilih pakaian cantik, hidangan makanan yang sempurna, rumah yang dilengkapi dengan kipas, karpet, kusyen dan lain-lain.

Dengan cara ini, kita akan memberikan keutamaan kepada perkara-perkara yang perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu. Kemudian barulah diselesaikan perkara-perkara yang lain.

Justeru, kita hendaklah menguruskan masa dengan baik mengikut keutamaan-keutamaannya. Dan dalam merancang pengurusan masa, kita mestilah mengutamakan ibadah yang wajib dan diikuti dengan yang lain. Marilah kita bersama-sama memastikan agar ibadah-ibadah fardhu ini diutamakan berbanding dengan urusan-urusan yang lain. Sekiranya kita terlalu sibuk dengan urusan dunia dan memandang remeh urusan ibadah,



hati tidak akan menjadi tenang dan berasa cukup dengan apa yang ada. Ingatlah, bahawa masa yang berlalu tidak akan berulang kembali. Uruskanlah masa dengan baik agar dunia dapat dijadikan sebagai ladang yang subur di akhirat nanti.

Sebagaimana hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Dua nikmat yang banyak dilupakan oleh manusia, iaitu nikmat sihat dan waktu lapang".

(Riwayat al-Bukhari).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:

1. Umat Islam mestilah memelihara masa kerana masa itu adalah umur bagi kehidupan kita.
2. Dalam merancang pengurusan masa, umat Islam hendaklah bijaksana dalam menentukan kerja-kerja yang lebih penting dan utama untuk dilaksanakan.
3. Janganlah dibazirkan masa dan umur kita kerana akan merugikan diri kita sendiri ketika di dunia dan di akhirat. Justeru, kita perlu menggunakan pakai *Fiqh Awlawiyyat* dalam menguruskan masa iaitu dengan memberikan keutamaan kepada perkara-perkara yang penting terlebih dahulu. Kemudian barulah diselesaikan perkara-perkara yang lain mengikut keutamaannya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا
مُقِنُونَ

"Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kamiingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; Sesungguhnya kami sekarang telah yakin".

(Surah as-Sajadah : 12).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِاِقْرَانِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.